

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 [ISNIN]

SOALAN NO. 26

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah rumah yang dibina mengikut pecahan kategori harga dari tahun 2014 hingga 2018 seperti >RM100,000 hingga RM200,000 >RM200,000 hingga RM300,000 >RM300,000 hingga RM400,000 >RM400,000 hingga RM500,000 dan; >RM500,000 hingga RM1,000,000.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklumat kemajuan projek perumahan swasta berlesen di Jabatan Perumahan Negara (JPN), sebanyak 328,329 unit rumah berharga RM1 juta ke bawah telah diluluskan pembinaan sepanjang tempoh 2014 hingga 2018 sebagaimana jadual berikut :

**MAKLUMAT UNIT RUMAH BAGI PEMAJUAN SWASTA YANG DILULUSKAN
DI JABATAN PERUMAHAN NEGARA
BAGI TEMPOH 2014 HINGGA 2018**

TAHUN	KATEGORI HARGA						JUMLAH UNIT RUMAH
	BAWAH RM100,000	RM100,001 HINGGA RM200,000	RM200,001 HINGGA RM300,000	RM300,001 HINGGA RM400,000	RM400,001 HINGGA RM500,000	RM500,001 HINGGA RM1 JUTA	
2014	11,018	4,576	6,943	4,250	2,632	21,986	51,405
2015	10,998	12,313	7,963	2,871	2,259	20,056	56,460
2016	8,062	4,479	6,208	1,887	675	20,790	42,101
2017	7,837	8,821	19,470	4,696	2,013	25,200	68,037
2018	5,438	3,948	18,072	5,173	1,918	29,420	63,969
JUMLAH	43,353	34,137	58,656	18,877	9,497	117,452	328,329

Sumber: Sistem IDAMAN, Jabatan Perumahan Negara

Nota:

- (i) Berdasarkan kepada Janaan laporan pada 8 November 2019
- (ii) Berdasarkan lesen pertama yang diluluskan pada tahun 2014 - 2019
- (iii) Berdasarkan harga minimum dan harga maksimum semasa (terkini)
- (iv) Tidak mengambil kira projek yang dibatalkan
- (v) Janaan maklumat ini adalah merujuk kepada perumahan swasta yang berlesen di Jabatan Perumahan Negara (Akta 118) yang meliputi semenanjung Malaysia

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, jumlah unit yang dilaporkan ini adalah tidak tertakluk kepada rebat, diskaun atau penurunan harga oleh pemaju mengikut keadaan semasa dan unit ini juga adalah jumlah yang dicadangkan oleh pemaju untuk dijual.

4. Manakala bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dilaksanakan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), secara keseluruhannya sehingga Disember 2018, terdapat 133 projek meliputi 88,054 unit rumah yang merupakan rumah yang dijual dengan harga RM35,000 (Semenanjung Malaysia) dan RM42,000 (Sabah dan Sarawak) telah disiapkan. Sekian, terima kasih.